

## Peribahasa Arab

Peribahasa Arab atau perumpamaan dalam bahasa Arab ialah sesuatu tutur kata yang indah, sedikit pengucapannya tetapi banyak pengertiannya dan luas maknanya. Kata-kata hikmah ini kadang-kadang diucapkan oleh seorang pujangga, seorang penyair, dan kadang-kadang diperkatakan oleh seorang manusia biasa tetapi berasal dari suatu peristiwa, yang kemudiannya menjadi teladan dan perbandingan turun temurun.

Di bawah ini saya nukilkan setengah-setengah daripada perumpamaan dan peribahasa Arab itu, yang mungkin<sup>1</sup> ada gunanya untuk tatapan para pembaca:

(Oleh: Ain Jim)

### **Dia Datang Membawa Tanduk Keldai.**

Dimaksudkan bagi sindiran kepada seseorang yang sentiasa banyak cakap dan kesemua percakapannya itu tiada suatu pun yang boleh dipercayai, kerana kebiasaannya segala percakapannya itu hanya untuk bersembang berborak lagi menghilangkan masa sahaja dan tiada suatu pun yang berfaedah.

Dimaksudkan juga bagi seorang yang terkenal sebagai pelawak yang sentiasa suka berborak dan berjenaka untuk menggelikan hati orang-orang yang mendengar segala lawak jenakanya.

Berasalnya perumpamaan ini, ialah dari seorang yang dianggap bodoh, tetapi rupanya iaitu seorang yang cerdas, bila kawan-kawan yang menganggap ianya itu seorang yang bodoh meminta ia mencarikan seekor keldai yang bertanduk, ia menyanggupinya, biarpun berkali-kali kawan-kawannya mengatakan tiada seorang pun yang dapat membuktikan bahawa keldai itu bertanduk, tetapi orang itu sanggup membuktikan bahawa keldai itu bertanduk dan ia sanggup

mendapatkan untuk kawan-kawannya itu seekor keldai bertanduk. Pada keesokan harinya bila mereka sama-sama berkumpul dan bertemu lagi, kawan-kawannya bertanya “mana dia keldai yang bertanduk yang telah disanggupi olehnya untuk membawanya?”. Orang itu menjawab dengan beberapa dalih yang akhirnya menggelikan hati teman-temannya. Dikatakannya “Telah dijumpainya semua keldai-keldai yang bertanduk itu untuk dibawa ke hadapan kawan-kawannya itu, tetapi malangnya semua tanduk-tanduk keldai itu telah dipinjam oleh kambing”.

Sejak dari masa itu, bila mereka melihat kedatangan kawan yang pandai berborak itu dikatakanlah oleh mereka itu...dia datang membawa tanduk keldai”. Hingga diistilahkan “dirafah”<sup>2</sup> itu bohong atau dusta.

### **Rusa, Walaupun Dia Boleh Terbang.**

Perumpamaan ini dimaksudkan bagi seorang yang terlalu degil dan tidak mahu bertolak ansur dalam menyatakan pendapatnya biarpun pendapatnya itu salah pada pendapat orang-orang lain; tidak mahu tunduk pada keputusan

<sup>1</sup> Perkataan sebenar ialah mungkin.

<sup>2</sup> Perkataan sebenar ialah zirafah.

atau fikiran orang terbanyak yang lain. Dia menyangka pendapatnya seorang sahajalah yang betul dan benar dan pendapat orang lain semuanya salah.

Berasalnya perumpamaan ini, dari dua orang sahabat baik yang sentiasa ke sana ke mari bersama berdua-duaan. Biar pun begitu erat persahabatan mereka, tetapi kedua mereka itu masing-masing mempunyai watak yang bersendirian-sendirian. Yang seorang mahu bertolak ansur dalam segala perkara, mahu mengalah jika ia fikir pendapatnya itu tidak boleh diterima oleh orang lain, tetapi yang seorang lagi tidak pernah mahu bertolak ansur, dan ia selalu berdegil dengan pendapatnya sendiri mengatakannya pendapatnya itulah yang betul, biar pun banyak orang lain yang mengatakannya pendapatnya itu salah.

Pada suatu hari kedua bersahabat itu pergi berburu di dalam sebuah hutan, sedang mereka terhendap-hendap untuk menunggu-nunggu binatang buruan yang akan dipanah mereka, kedua orang pemburu itu tertumpu pandangan mereka kepada suatu sudut semak yang bergoyang-goyang segala daun-daun pokoknya. Seorang berpendapat bahawa yang berada di dalam semak samun itu ialah seekor burung, tetapi seorang lagi berpendapat bahawa yang berada di dalam semak itu ialah seekor rusa. Masing-masing mereka itu tidak mahu beralah dengan pendapatnya hingga berlakulah pertengkaran antara kedua sahabat itu, dan kerana berlakunya pertengkaran itu binatang buruan yang diburunya itu pun dapatlah menyelamatkan dirinya dari dipanah oleh pemburunya..

Apakah yang didapati oleh mereka?

Seekor burung terbang dari semak samun itu, melepaskan diri daripada dipanah oleh kedua pemburu yang sedang bertengkar sesama mereka....

Melihat demikian itu, orang yang telah menelah dari tadi bahawa buruannya itu ialah seekor burung berkata:—

“Tidak percaya jugakah, bahawa yang kukatakan tadi ialah seekor burung?”.

Kawannya yang seorang lagi itu masih juga berdegil dan tidak mahu beralah dengan pendapatnya yang salah tadi lalu berkata:—

“Burung<sup>3</sup>, walaupun dia terbang.”

Sejak itu terciptalah perumpamaan ini, dimaksudkan kepada seorang yang amat degil atau berdegil dengan pendapatnya sendiri dan tidak mahu bertolak ansur, walaupun telah didapati bahwa pendapatnya itu bersalahan daripada pendapat orang banyak yang lain.


### **Bukan Semua Yang Keluar Daripada Kulit Gwang Itu Mutiara**

Gwang ialah sejenis karang laut yang biasanya didapati permata mutiara daripadanya. Tetapi bukanlah semua yang keluar daripada kulit gwang itu mutiara.

Perumpamaan ini dimaksudkan kepada orang-orang cerdik pandai dan terutamanya kepada orang-orang alim atau orang-orang yang dipandang hormat oleh orang kebanyakan, bukan kesemua orang-orang cerdik pandai atau orang-orang ilmu dan orang-orang yang dipandang hormat itu tidak pernah melakukan kesalahan, kerana adakalanya mereka itu dengan sengahaja<sup>4</sup> atau tidak dengan sengahaja pernah melakukan kesalahan seperti yang pernah dilakukan oleh orang-orang kebanyakan juga. Kerana mereka itu adalah manusia biasa, maka tidaklah mustahil kalau mereka itu melakukan atau berlaku kepada mereka itu apa yang biasa dilakukan atau apa yang biasa berlaku kepada manusia biasa. Kerana itu janganlah sangat diagung-agungkan

<sup>3</sup> Perkataan sepatutnya ialah rusa.

<sup>4</sup> Perkataan sebenar ialah sengaja.



Gambar diambil sebagai kenang-kenangan perpisahan di antara pelajar-pelajar tingkatan lima tahun 1964 di hadapan Madrasah al-Masriyah, Bukit Mertajam baru-baru ini. Mereka semua telah tamat di dalam bahagian *ibidā'i* dan akan dipindahkan ke bahagian tingkatan *thanawī* pada tahun 1965 ini. (Gambar kiriman Uthman Yaakob).

mereka itu sampai disamakan taraf mereka itu seperti para Nabī atau malaikat yang maksum. Atau janganlah hairan kalau mereka itu pernah melakukan kesalahan atau kekhilafan.

Berasalnya perumpamaan ini ialah dari pengalaman yang biasa dialami oleh orang-orang yang menyelam ke dasar lautan

untuk mencari mutiara yang sangat mahal harganya. Biar bagaimana keahlian seseorang dalam mencari mutiara ini, tetapi mereka tidak dapat menentukan bahawa sesuatu gewang (karang laut yang disebut juga mutiara) itu mengandungi mutiara atau tidak. Kerana kebanyakannya hanya mengandungi daging (seperti isi kerang – boleh dimakan).

dan secara bernasib sahajalah kalau seseorang itu dapat mutiara pada setiap gewang yang didapatinya.

### **Lebih Bebal dari Burung Kasawari**

Kasawari sejenis burung siring didapati di negara-negara Arab atau benua Afrika. Rupanya seperti angsa, badannya besar dan kakinya panjang tinggi.

Ditujukan kepada seorang yang didapati kebodohnya atau kebebalanya melampaui sangat, hingga tidak dapat menggunakan akal nya sendiri, atau tidak dapat membezakan mana yang betul dan mana yang salah.

Berasalnya perumpamaan ini ialah daripada seorang yang dapat melihat dengan mata kepalanya sendiri bagaimana bodohnya seekor burung Kasawari, bodoh dan bebalnya itu melampaui dari binatang-binatang lainnya. Kononnya burung Kasawari itu bila dikejar, bukan ia terus mahu terbang, tetapi ia akan menyorokkan kepalanya ke bumi (di padang pasir), dengan demikian ia menyangka bahawa dirinya telah tidak dilihat oleh orang, maka senang sahajalah manusia menangkapnya.

Ada pula orang yang menceritakan bahawa burung tersebut bila ia bertelur sebiji terus dieramkannya sampai segera menetas menjadi anak, tetapi bila ia merasa lapar segera ia terbang mencari makan dilihat ada telur burung Kasawari yang lainnya ia turun lalu mengeramkannya, dia tidak dapat membezakan sama ada telur itu telurnya sendiri atau telur burung lain.

### **Cakap Khurafat**

Maksudnya ialah cakap karut yang tidak boleh dipercayai.

Asalnya **Khurāfat** ialah nama seorang lelaki yang mengaku dirinya telah dicintai oleh seorang anak gadis jin.

Pada suatu masa **Khurāfat** menghilangkan diri dari kampung halamannya, banyak orang mencari dan bertanya-tanya ke mana hilangnya Khurāfat tetapi tiada seorang yang mengetahui ke mana perginya.

Setelah beberapa lama, dengan tiba-tiba mereka dapati Khurāfat berada di kampung itu kembali, waktu ditanya oleh orang ramai ke mana ia berada selama ini? Ia bercerita, kononnya ia telah berkahwin dengan anak jin yang mencintainya itu dan sekarang ini ia duduk dengan keluarga jin itu saling cinta mencintai.

Cerita ini tidak dipercayai oleh orang-orang sekampungnya kerana **Khurāfat** sebelum itu telah terkenal kepada mereka sebagai seorang yang sering bercakap bohong, dan selalu suka bersembang atau bercakap-cakap yang tiada tentu hujung pangkalnya. Sejak itu jika seseorang didapati bercakap atau membawa berita yang tidak termasuk pada akal fikiran mereka dikatakanlah “Ini cakap khurafat...”

*Sudah terbit!*

**Pengajian**

***KESAH PELAYARAN***

***ABDULLAH MUNSHI***

**Di-susun sa-mula oleh:**

**EDRUS**

**Harga RM2.50 sa-naskhah**

**tambah belanja pos (register) 40 sen**

**Di-chitak dan di-terbitkan oleh**

**QALAM**

**556/858, GEYLANG Road**

**SINGAPORE 14**